



# MEMBUKA JALAN KE ARAH TANGGUNGJAWAB SOSIAL

KEPERLUAN untuk rantaian bekalan yang mampan menjadi semakin mendesak dalam dunia hari ini yang sering mengutamakan keuntungan berbanding kepentingan alam sekitar dan isu sosial. Berkecimpungan saya selama 12 tahun dalam bidang Pengurusan Operasi dan Rantaian Bekalan telah memberikan saya sudut pandang yang berharga dalam melihat peluang dan cabaran yang kompleks dalam bidang ini. Sebagai *Profesor Madya di Asia School of Business*, fokus saya terhadap penyumbahan mampan dan pengurusan rantaian bekalan membolehkan saya untuk menyaksikan sendiri kuasa transformatif rantaian bekalan yang menekankan tanggungjawab sosial.

Terlatih sebagai Penyelidik Operasi yang dipacu keinginan untuk sentiasa mengejar penambahbaikan, perjalanan saya bermula dengan penelitian terhadap sains pengoptimuman. Sepanjang perkhidmatan saya yang telah bertahun-tahun dalam industri yang melibatkan pelbagai projek dari tekomunikasi hinggalah e-dagang, saya telah menemukan sesuatu yang menarik perhatian iaitu pertembungan antara dua dunia - antara kerjaya saya dan aplikasinya dalam sektor makanan dan pertanian. Berasal daripada keluarga dengan latar belakang pertanian, saya telah menyedari bahawa banyak masalah kritikal di dunia seperti kebukluran, tidak semestinya berpunca daripada masalah pengeluaran, tetapi lebih kepada masalah dan cabaran dalam rantaian bekalan dan pengagihan.

Misalnya, dalam sebuah projek di India, saya telah berhadapan dengan sebuah situasi mana terdapat sebuah negeri menghasilkan gandum yang berlebihan ketika seluruh negara itu bergelut dengan kekurangan bekalan yang kritikal. Ini berpunca daripada kelemahan dalam aspek penyimpanan dan logistik yang menghalang pengedaran menyeluruh ke kawasan lain. Malah, tahap kerugian pasca-penjualan untuk buah-buahan, sayuran, dan bijirin sebelum ia sampai kepada pengguna juga adalah sangat memameratkan. Secara peribadi, pengalaman ini menjelaskan lagi betapa pentingnya aspek logistik dalam rantaian bekalan makanan dan pertanian.

Pengalaman bekerja di Asia Tenggara juga telah memperlihatkan kepada saya tentang



**GOLONGAN petani kecil antara kumpulan paling terdedah kepada risiko gangguan ekonomi. - GAMBAR HIASAN**

wujudnya banyak ruang dan peluang untuk peningkatan kecekapan dalam rantaian bekalan dan terhadap kurang bakat yang merisaukan dalam sektor rantaian bekalan. Dalam hal ini, Syarikat Kecil dan Sederhana (PKS) adalah kumpulan yang paling terdedah terhadap sebarang gangguan besar contohnya merekahal yang paling berkesan ketika dunia dilanda pandemik Covid-19.

Keterlibatan saya dalam kepelbagaian rantaian bekalan termasuk ayam, pisang, dan sayuran akhirnya membawa saya fokus kepada kelapa sawit, khususnya yang melibatkan petani kecil bebas di Selatan Semenanjung Malaysia. Kerja ini telah memperluaskan lagi minat penyelidikan saya, di samping memberikan peluang kepimpinan dan pengurusan kepada pihak berkepentingan untuk menghasilkan impak yang nyata di dunia sebenar.

## MEMCARI KEMAMPAHAN DALAM RANTAIAN BEKALAN

Realitinya, untuk mewujudkan kemampan dalam rantaian bekalan, terutamanya yang melibatkan penggabungan amalan-amalan mampan ke dalam strategi sedia ada merupakan satu cabaran. Walau bagaimanapun,

impak perubahan iklim di seluruh dunia telah mempercepatkan lagi kesedaran mengenai kemampan; ia merupakan satu peringatan bahawa kemampan bukan lagi sebuah pilihan, tetapi satu keperluan. Justeru, daripada sekadar melihat pada keuntungan semata-mata, syarikat-syarikat kini berpegang pada tiga prinsip utama yang mempertimbangkan masyarakat, planet dan keuntungan kewangan.

Namun, salah satu perkara penting yang saya pelajari adalah, untuk mengejar kemampan, tidak bermakna ia mesti bermisalkan 'sifar-jumlah'. Malah, rantaian bekalan yang bertanggungjawab dan mesra alam sebenarnya mampu memberikan nilai tambah, sambil memenuhi keperluan pengguna yang prihatin. Dalam mengatasi cabaran kelestarian, apa yang kritikal ialah faktor ketelusan, kebolehsasaran, dan tanggungjawab. Selain itu, kerjasama antara semua pihak berkepentingan juga penting untuk mencapai matlamat ini secara proaktif.

## PERANAN PUSAT KELESTARIAN (CSS) DI ASIA SCHOOL OF BUSINESS (ASB)

Dalam konteks industri kelapa sawit, petani kecil menyumbang sebanyak 40 peratus bekalan global; sebuah sumbangan yang signifikan. Justeru, Pusat Kelestarian Pekebun Kecil atau *Center for Sustainable Small-owners (CSS)* telah menggalas peranan untuk menjaga kepentingan pekebun kecil bebas, serta memajukan penyumbahan yang beretika dan bertanggungjawab. Misi ini dicapai melalui penglibatan di lapangan dan pelaksanaan amalan pertanian yang baik ke arah meningkatkan hasil, di mana semua ini dipacu oleh penyelidikan teliti dan aplikasi praktikal. CSS komited untuk memperkasakan komuniti, memastikan kemampan, dan mempromosikan penyumbahan yang bertanggungjawab melalui pensijilan, dengan matlamat yang lebih luas untuk mencetus impak positif melalui perkongsian pengetahuan.

Dengan membantu pensijilan petani kecil bebas di daerah Batu Pahat dan Pontian di Johor mengikut piawaian *RSPO Independent Smallholder Standard (RISS)* oleh RSPO, CSS memperkasakan para petani ini melalui pengetahuan dan panduan mengenai amalan pertanian dan

pengurusan ladang yang baik. Hasilnya, mereka dapat mengeluarkan minyak sawit mampan bersijil (CSPO), isirung kelapa sawit mampan bersijil (CPK), dan isirung bersijil. CSS juga telah membantu menubuhkan persatuan petani kecil bebas, PERTANIAGA, untuk meningkatkan semangat pemilihan dan kepimpinan komuniti.

Selain itu, CSS turut menyedari bahawa piawaian kemampan mestilah seiring dengan peningkatan mata pencarian. Di bawah Perjalanan Kemampan CSS atau *CSS Sustainability Journey*, pusat ini komited untuk membangunkan Ladang Pembelajaran (LeFa) yang menjadi contoh amalan pertanian mampan yang selari dengan peningkatan hasil.

Akhirnya, melalui program penyebarannya, CSS memberikan dan meningkatkan kesedaran tentang amalan pertanian baik dan mampan dalam kalangan kumpulan petani dan pengeluar kecil secara amnya. Ini penting bagi memastikan komuniti sekitar mendapat manfaat daripada pengetahuan dan kepakaran yang terhasil daripada inisiatif ini.

## CABARAN YANG DIHADAPI OLEH KOMUNITI PETANI KECIL

Komuniti petani kecil menghadapi pelbagai cabaran dalam menubuhkan rantaian bekalan yang mampan. Lebih daripada 16 peratus pekebun kecil di Malaysia adalah pekebun bebas yang kurang mempunyai kuasa perundingan yang terpaksa bersaing dengan ladang lebih besar. Mereka juga mempunyai akses yang terhad kepada sumber dan pengetahuan berbanding para petani di bawah skim ladang. Apabila berdepan pelbagai cabaran ini, menjual hasil tanaman secara adil dan telus mungkin menjadi sesuatu yang merugikan bagi pihak mereka. Selain itu, penolakan terhadap perubahan baru, kurang celik-kewangan, dan perpindahan generasi muda ke kawasan bandar menambah lagi cabaran yang sedia ada.